

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 23 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1242-L43286
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi membantu artis veteran yang tidak lagi aktif atau bersara dan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan skim pencen untuk artis bagi menjamin hari tua mereka.
2. PR-1242-L43837
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kebaikan dan keburukan kepada Malaysia dalam memasuki perjanjian dengan Australia untuk program penempatan semula (*resettlement*) pelarian.
3. PR-1242-L43255
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
 - (a) berapakah kos kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas *Non-Revenue Water* (NRW) serta punca dan cara mengatasi masalah ini dan sama ada Kerajaan akan memasang alat pengesan kebocoran air bagi maksud di atas; dan
 - (b) sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan program pembekalan air secara percuma kepada pengguna, misalnya "1000 Liter Pertama Percuma".
4. PR-1242-L44237
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengembalikan kedudukan Malaysia sebagai negara pengeluar getah asli utama di dunia.

5. PR-1242-L44172
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah orang Melayu warga emas berumur 60 hingga 79 tahun yang mendapat perlindungan rumah kebajikan kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di seluruh negara dan nyatakan punca keadaan ini berlaku.
6. PR-1242-L44861
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
 - (a) bilakah tarikh sebenar pelaksanaan Automated Enforcement System (AES); dan
 - (b) pihak manakah yang bertanggungjawab dalam pemasangan alatan-alatan AES. Adakah dilakukan oleh Kerajaan melalui JPJ atau syarikat swasta yang dilantik.
7. PR-1242-L43166
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan lokasi-lokasi di Negeri Sarawak yang dilayan dengan perkhidmatan doktor udara (*flying doctor service*). Sila jelaskan apakah usaha atau langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk memikirkan sama ada terdapat kaedah yang lain, yang lebih murah dan tetap bagi meneruskan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat yang tinggal jauh di pedalaman Sarawak.
8. PR-1242-L43141
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebabnya pendapatan per kapita (*per capita income*) negara semakin ketinggalan berbanding dengan negara serantau seperti Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan.
9. PR-1242-L43300
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan rasional keputusan melaksanakan moratorium atau pembekuan terhadap pembukaan fakulti perubatan baru di institusi pengajian tinggi.
10. PR-1242-L43738
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah penyelesaian berhubung kos rawatan yang tinggi dan tidak munasabah dikenakan hospital swasta serta berapa banyakkah aduan yang diterima.
11. PR-1242-L43984
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah keperluan Askar Wataniah pada masa depan dan senaraikan jumlah terkini Askar Wataniah mengikut negeri.

12. PR-1242-L43578
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berbagai program telah dilaksanakan untuk melatih siswa yang menganggur seperti program STAR oleh Pembangunan Sumber Manusia Bhd, GEMS oleh Khazanah Nasional, GTP oleh Mdec, Perintis Mekar oleh UiTM, Program Siswazah Industri Pembinaan oleh CIDB. Mengapa pihak Kementerian tidak mengambil langkah untuk membetulkan keadaan ini di IPTS yang menghasilkan graduan ini.
13. PR-1242-L44615
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan merancang untuk memperluaskan penggunaan tenaga solar yang mesra alam; dan
 - (b) adakah Kerajaan merancang untuk memberi subsidi atau galakan kepada penggunanya.
14. PR-1242-L43683
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan nama-nama semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara kita. Nyatakan mana-mana antara institusi pengajian tinggi ini yang masih mengguna pakai sistem kuota berlandaskan kaum dalam pengambilan masuk penuntut-penuntutnya dan nyatakan kuota-kuota yang ditetapkan.
15. PR-1242-L43755
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah polisi Kerajaan terhadap penggunaan atau aplikasi teknologi hijau bagi bangunan dan jalan raya di peringkat negeri memandangkan tidak semua negeri mempunyai Exco Teknologi Hijau; dan
 - (b) apakah polisi Kerajaan bagi peringkat Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri, bagi aplikasi teknologi hijau untuk pembuatan jalan.
16. PR-1242-L43199
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah cukai jualan dan perkhidmatan (5% lama, 6% baru) yang telah dikutip daripada pelbagai sektor perniagaan tersenarai dalam setiap negeri terutama Sabah, dan jumlah kutipan yang diperolehi setiap tahun sejak 2003; dan
 - (b) bagaimanakah Kerajaan menggunakan pendapatan tersebut.

17. PR-1242-L43161
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapa banyakkah lesen perjudian yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk negeri Sabah; dan
 - (b) apakah pihak berkuasa Kerajaan pernah meninjau aktiviti dan sumbangan kebajikan kelab-kelab ini dengan mengambil kira keuntungan yang dikaut melalui lesen judi yang mereka perolehi.
18. PR-1242-L44931
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan yang diambil ke atas TV3 yang didapati menayangkan iklan Hari Raya pada tahun 2010 tanpa permit FINAS.
19. PR-1242-L43827
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah pemberi pinjaman wang yang diberi lesen mengikut negeri dan apakah bentuk pemantauan terhadap mereka memandangkan terdapat dakwaan bahawa operasi syarikat terbabit sama seperti aktiviti yang dilakukan oleh golongan 'along'.
20. PR-1242-L44835
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan garis panduan yang menetapkan silibus sejarah negara untuk dijadikan teks bagi mengimbangi fakta dan sensitiviti dalam fakta itu.
21. PR-1242-L43980
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Klinik 1Malaysia diwujudkan di kawasan Parlimen Lawas.
22. PR-1242-L44010
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan secara terperinci jumlah hasil pendapatan Kerajaan dari dasar *Approved Permit* (AP) kereta dan jumlah bilangan serta nama penerima AP dalam tempoh 2005 hingga tahun ini.
23. PR-1242-L43146
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha dan rancangan Kementerian mengatasi masalah kekurangan bilik darjah bagi sekolah-sekolah di kawasan bandar Sarikei. Nyatakan juga status pembinaan sekolah baru seperti yang dirancang di dalam RMK10 di Sarikei.

24. PR-1242-L44046
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan kedudukan Projek Langat 2 yang bakal menelan belanja RM8.65 bilion bagi menampung kekurangan air di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya yang dikatakan akan menghadapi margin simpanan yang kritikal pada tahun 2014.
25. PR-1242-L43920
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan menerusi pelbagai skim Kementerian di seluruh negara tahun ini termasuk bagi menggalakkan penerimanya (seperti ibu tunggal) dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan.
26. PR-1242-L44664
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan persediaan Kerajaan untuk *declassify* dokumen-dokumen termasuk laporan pakar-rujuk Bank Dunia berkait dengan pembentukan Majlis Konsultansi Gaji Minima untuk semakan *stakeholders*. Apakah status pembentukan Majlis tersebut pada masa kini.
27. PR-1242-L43605
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan meluluskan permohonan IPTA bertaraf kolej untuk dinaikkan taraf ke kolej universiti dan apakah kriteria asas yang perlu dipenuhi sebelum ditimbang untuk kelulusan.
28. PR-1242-L43549
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai peratus dan jumlah pelajar yang mengikuti aliran sains dan sastera terkini di seluruh negara. Apakah dasar Kementerian dalam menawarkan bidang sains atau sastera mengikut kemampuan seseorang pelajar atau faktor ekonomi dan pekerjaan dalam pembangunan negara. Berikan juga maklumat pencapaian pelajar mengikut bidang ini dalam peperiksaan SPM dan STPM.
29. PR-1242-L43885
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengapakah kenaikan harga barang khususnya barang makanan selalunya dikaitkan dengan harga petrol tetapi apabila minyak turun barangan tersebut tidak mengikut turun.
30. PR-1242-L44148
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) bagaimana tindakan Kerajaan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam indeks kebebasan media yang jatuh 2 tempat berbanding tahun lalu dengan mencatat kedudukan 143 pada tahun ini; dan

- (b) bagaimana Kerajaan menjamin kebebasan media termasuk media alternatif dengan pengumuman penubuhan Majlis Perundingan Media Negara.
31. PR-1242-L43862
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana Kementerian boleh bertindak terhadap pihak-pihak yang sengaja menjual makanan yang telah luput tarikhnya.
32. PR-1242-L43442
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah pendapatan purata yang diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil getah ekoran kenaikan harga, daripada peningkatan pengeluaran getah semakin meningkat terutamanya di Sabah dan Sarawak sehingga tahun 2010.
33. PR-1242-L45002
Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Petronas untuk memberi projek-projek minyak dan gas kepada syarikat-syarikat berdaftar dari Sabah. Apakah usaha Petronas untuk membantu dan mendidik syarikat-syarikat ini untuk berjaya.
34. PR-1242-L43330
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai dan bilangan lot rumah serta jangka masa rumah-rumah yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dapat disiapkan di Kionsom Inanam, Rampayan Menggatal dalam kawasan Sepanggar. Apakah kesulitan pelaksanaan projek seumpama ini di Rampayan Menggatal yang dihentikan sejak pertengahan tahun lalu dan perkembangan satu lagi projek sama di Dambai Inanam.
35. PR-1242-L43817
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) peruntukan yang diagihkan untuk sektor psikiatri dan jumlah subsidi daripada Kerajaan untuk tahun ini; dan
- (b) jumlah pesakit psikiatri di negara ini mengikut tahun sejak 2007.
36. PR-1242-L43687
Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) jumlah sumbangan Petronas kepada tabung Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), status penggunaan dan baki terkini; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia menetapkan 30% keuntungan tahunan Petronas dimasukkan ke dalam sebuah tabung pendidikan kebangsaan untuk pemberian biasiswa.

37. PR-1242-L43219
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Malaysia tentang pencerobohan pihak tentera luar terhadap sesebuah negara yang berdaulat.
38. PR-1242-L44771
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah tanggungan Kerajaan kos tambahan bagi Pakej Infrastruktur Projek Landasan Berkembar Elektrik antara Rawang dan Ipoh yang kini jumlah kerugiannya melebihi RM1.5 bilion daripada kos asal RM4.34 bilion.
39. PR-1242-L44353
Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan peratusan kawasan pedalaman di Sarawak yang belum lagi mendapat liputan (*coverage*) telefon. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mempercepatkan perkhidmatan telekomunikasi ke kawasan-kawasan pedalaman yang belum ada jalan lain untuk berhubung dengan dunia luar.
40. PR-1242-L44333
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria yang digunakan oleh Kementerian berhubung keputusan pembidaan pemilikan Pelabuhan Pulau Pinang kepada Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary. Berapakah jumlah bidaan dan jaminan pulangan keuntungan oleh syarikat-syarikat lain termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
41. PR-1242-L43367
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang 'dilarikan' ke Lombok, Indonesia oleh warganegara berkenaan dalam tempoh lima tahun lalu dan berapa ramai pula yang telah berjaya dibawa pulang serta apakah usaha-usaha Kerajaan bagi memastikan isu ini tidak terus berpanjangan.
42. PR-1242-L44505
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) impak pengurangan subsidi makanan, petrol, diesel, gas dan lain-lain barangan asas kepada golongan masyarakat berpendapatan 40% terendah sejak Januari 2010; dan
 - (b) langkah-langkah mitigation yang akan atau telah dilaksanakan untuk membantu golongan tersebut yang menghadapi kenaikan kos kehidupan yang mendadak.

43. PR-1242-L44982
Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tujuan/matlamat sebenar PERKESO/SOCSO. Kenapa perlu berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mendirikan bangunan baru walhal ahli yang sepatutnya dibantu tidak diberi perhatian sewajarnya. Contohnya, bayaran perkhidmatan doktor yang mengesahkan tuntutan sepatutnya dibayar balik ketika meluluskan tuntutan sekiranya PERKESO/SOCSO mempunyai dana berlebihan.
44. PR-1242-L43950
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan sekolah perubatan di Malaysia dan bilangan graduan yang dikeluarkan setiap tahun. Apakah kualitinya dan berapakah jumlah yang boleh graduan mendapat pekerjaan di dalam negara ini setiap tahun.
45. PR-1242-L44847
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah inisiatif yang telah diambil untuk membangun dan mengekalkan modal insan negara terutama sekali dalam bidang teknikal; dan
 - (b) usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran universiti tempatan supaya ia adalah setanding dengan universiti-universiti utama di rantau Asia.
46. PR-1242-L44698
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi kesesakan jalan raya yang menjadi semakin teruk; dan
 - (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberhentikan kutipan tol di bandar raya sebab kadang-kadang pengguna membayar tol untuk terus masuk ke dalam 'traffic jam'.
47. PR-1242-L43119
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapakah nilai tangkapan dadah dalam Ringgit Malaysia pada tahun 2010; dan
 - (b) berapakah jumlah peruntukan Kementerian untuk program pencegahan penyalahgunaan dadah pada tahun 2010 dan apakah pelan tindakannya.

48. PR-1242-L44529
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapakah tindakan tidak memberi permit dilakukan kepada kartunis Zunar untuk menerbitkan majalah kartunnya. Apakah kandungan kartun yang dilukis memiliki sebarang perkara yang tidak benar dan mengancam keselamatan negara.
49. PR-1242-L43829
Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam memastikan Dasar Pertanian Negara mencapai matlamatnya dalam meningkatkan jumlah penyertaan dan pendapatan golongan petani dan nelayan di negara ini. Nyatakan tempoh masa yang diperlukan untuk mencapai matlamat ini.
50. PR-1242-L43870
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada kegunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains secara pilihan pihak sekolah akan dibenarkan.
51. PR-1242-L43660
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membuat kajian menyeluruh dan mempertimbangkan supaya kanak-kanak bawah umur (16 tahun) tidak dibenarkan berada di luar kawasan rumahnya tanpa ditemani ibu bapa atau penjaganya.
52. PR-1242-L45056
Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengelakkan kejadian penutupan elektrik yang berlaku di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) pada 15 Mei 2011 pada jam 6.01 pagi sehingga 7.25 pagi yang menyebabkan 15 penerbangan ditangguhkan dan 1,212 beg penumpang tidak dapat diserahkan. Mengapakah perkara ini berlaku sedangkan Kuala Lumpur International Airport (KLIA) merupakan sebuah lapangan terbang bertaraf antarabangsa.
53. PR-1242-L44414
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah perbelanjaan untuk Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi tahun 2011, pecahan perbelanjaan tersebut secara terperinci dan sama ada Kementerian bercadang untuk mengkaji semula pelaksanaan program tersebut.
54. PR-1242-L44436
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk membantu pekerja-pekerja kontrak atau *freelance* yang bekerja mengikut gaji hari atau *lumpsum* yang rendah terutama bagi mereka yang berada dalam industri penyiaran dan perfileman. Ini kerana, persatuan yang ada sekarang dilihat tidak mampu atau mempunyai kuasa bagi menangani isu ini, di mana apabila setiap syarikat produksi cuba mengurangkan kos penggambaran bagi mengaut keuntungan yang lebih.

55. PR-1242-L44092
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan rancangan berkenaan tenaga nuklear memandangkan malapetaka gempa bumi dan loji nuklear di Jepun pada bulan Mac yang lalu.
56. PR-1242-L43303
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kakitangan awam yang bekerja sambilan dan apakah Kerajaan bersedia untuk menetapkan penyelarasan gaji 1.4 juta kakitangan awam bagi mengurangkan beban akibat ketidaktentuan kenaikan harga barangan harian masa kini.
57. PR-1242-L44705
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme kelulusan lesen arak dan sehingga akhir 2010 berapakah jumlah premis arak di seluruh negara. Adakah Kementerian tidak bercadang untuk menurunkan kuasa perlesenan ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah-daerah di bawah PBT memandangkan Pejabat Daerah tidak ada kemampuan memantau penjualan arak.
58. PR-1242-L43309
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah keciciran pelajar di sekolah mengikut tahun pembelajaran dan menurut jenis-jenis sekolah seperti Sekolah Kebangsaan, SJK(C), SJK(T), dan sekolah teknikal sejak tahun 2000. Apakah langkah yang akan Kementerian ambil untuk menyelesaikan masalah ini.
59. PR-1242-L44034
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian dalam membantu pusat-pusat dialisis yang menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada kawasan pedalaman/miskin tetapi tidak berdaftar dengan Kementerian. Apakah Kementerian beranggapan bahawa Kerajaan sudah pun mempunyai bilangan mesin dan pakar-pakar yang mencukupi berlandaskan kepada peningkatan pesakit-pesakit serta mampu menanggungnya sendiri.
60. PR-1242-L43422
Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah perkhidmatan kereta api dari Kuantan ke Kerteh yang telah mula beroperasi sejak tahun 2004 telah ditamatkan perkhidmatannya serta nyatakan berapakah jumlah kos keseluruhan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api tersebut.
61. PR-1242-L43433
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah peranan pihak Kementerian dalam menyelesaikan masalah badan-badan sukan yang selalu bertelagah hingga menjejaskan prestasi sukan di peringkat antarabangsa.

62. PR-1242-L45029
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi perhatian kepada cadangan Sultan Kelantan supaya lebuhraya dibina dalam negeri Kelantan. Jika ya, jajaran manakah yang akan diberi keutamaan oleh Kerajaan.
63. PR-1242-L43370
Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pemalsuan dokumen perjalanan warga asing untuk memasuki negara ini dalam tempoh tiga tahun lalu mengikut pecahan negara dan apakah kesannya terhadap keselamatan negara berhubung isu ini.
64. PR-1242-L44814
Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah dana yang telah digunakan untuk program *Harm Reduction* sepanjang tahun 2008 hingga 2011 dan apakah program ini akan diteruskan pada masa hadapan dan adakah program ini terdapat di semua negeri seluruh Malaysia.
65. PR-1242-L43122
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) bilangan pekerja asing yang ditangkap atas kesalahan bekerja tanpa permit yang sah pada tahun 2010; dan
 - (b) nyatakan bilangan majikan yang didakwa di mahkamah atas kesalahan menggunakan khidmat pekerja asing tanpa permit yang sah pada tahun 2010.
66. PR-1242-L44531
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nisbah hutang isi rumah kepada pendapatan boleh guna rakyat Malaysia merupakan antara yang tertinggi di dunia dengan kadar 140% berbanding Thailand (52.7%) dan Indonesia (38%). Apakah langkah bagi mengatasi masalah ini.
67. PR-1242-L45005
Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia yang menetap di luar negara yang layak mengundi.
68. PR-1242-L44176
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah lesen bot pukut tunda yang dikeluarkan oleh Kementerian kepada nelayan dalam negara mengikut negeri dan kaum serta berapakah jumlah lesen yang dilaksanakan oleh nelayan tempatan dan disewakan kepada nelayan asing.

69. PR-1242-L44642
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah rancangan pertukaran suaka politik antara Australia dan Malaysia boleh mengatasi masalah perdagangan manusia memandangkan terdapat bantahan daripada Badan Peguam Malaysia dan Badan Peguam Australia. Mengapa Kerajaan masih enggan menandatangani Konvensyen 1951 berhubung status pelarian.
70. PR-1242-L44913
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab kelewatan pendengaran rayuan di Mahkamah Rayuan bagi Cif Inspektor Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar Umar setelah mereka disabitkan dan dihukum mati untuk pembunuhan Altantuya Shaariibuu oleh Mahkamah Tinggi.
71. PR-1242-L43111
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan pencapaian Koridor Iskandar Malaysia yang diterajui oleh Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (Iskandar Regional Development Authority - IRDA) dari sudut sembilan teras sektor pembangunannya yang merangkumi enam sektor perkhidmatan dan tiga sektor pengeluaran.
72. PR-1242-L43621
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan lesen televisyen dan radio kepada pihak pembangkang.
73. PR-1242-L44118
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah Kementerian menyedari kelemahan garis panduan Industri Burung Walit Negara yang menjejaskan pembangunan taman perumahan di Pusing Cenderawasih, Pusing serta kekeliruan bidang kuasa antara PBT dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
74. PR-1242-L43224
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dibuat setakat ini dalam memastikan *hypermarket* atau pasar raya besar yang beroperasi sama ada milikan tempatan atau antarabangsa tidak mengenakan caj yang tidak munasabah terhadap produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan.
75. PR-1242-L44949
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah bentuk standard siasatan yang diguna pakai dalam isu penyebaran video lucah yang melibatkan Presiden MCA dan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

76. PR-1242-L44143
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang yang dibelanjakan untuk memasang litar kamera terdekat di seluruh mahkamah serta kos penyelenggaraan tahunan. Selain daripada itu, apakah faedah dan bagaimanakah proses itu berfungsi.
77. PR-1242-L44633
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada benar terdapat bekalan dadah di dalam penjara-penjara termasuk pusat pemulihan di Malaysia, apakah sebab-sebabnya dan siapa yang bertanggungjawab serta tindakan yang telah pun diambil untuk mengatasi masalah tersebut.
78. PR-1242-L43836
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga rumah yang berpatutan dan tidak meningkat disebabkan oleh spekulasi.
79. PR-1242-L44454
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang kegunaan I Permata Vessel :-
- (a) terdapat berapa buah I Permata Vessel sedang beroperasi dan nyatakan fungsi dan kemudahannya; dan
 - (b) nyatakan kos setiap vessel dan nama pembekalnya dan adakah ia juga boleh diguna untuk kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak.
80. PR-1242-L43993
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pemohon pinjaman di bawah Skim Rumah Pertamaku dan berapakah yang berjaya mendapatkan pinjaman mengikut pecahan negeri-negeri.
81. PR-1242-L43529
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan apakah masalah sebenar sehingga tanah jerlus di Jalan Mahadi Kampung Baru, apakah langkah-langkah pembaikan dan penstabilan yang diambil sudah mencukupi kerana didapati berlaku lagi tanah jerlus kali kedua serta berapa kos pembaikan keseluruhan dan adakah kontraktor yang dilantik berkemampuan dan berpengalaman untuk menangani masalah tersebut.

82. PR-1242-L43699
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah bentuk tindakan diambil terhadap blog-blog yang menyiarkan laporan berunsurkan perkauman dan menyentuh soal sensitiviti yang terkandung dalam Perlembagaan Negara.
83. PR-1242-L44766
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan impak pelaksanaan Ops Payung PDRM dalam membantu pengurangan kadar jenayah di sesuatu kawasan berbanding kawasan-kawasan yang belum melaksanakan Ops Payung.
84. PR-1242-L43396
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti-mufti di peringkat negeri.
85. PR-1242-L44320
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah kerusi khas berkaitan bahasa dan budaya Melayu bagi Melayu-Cape (Cape-Malays) Afrika Selatan di sebuah universiti tempatan; dan
 - (b) adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memastikan masyarakat Melayu-Cape mengekalkan identiti, budaya, bahasa & cara hidup bangsa Melayu dan agama Islam.
86. PR-1242-L44956
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar asing yang sedang mengikuti pengajian di IPTS sehingga 31 Disember 2010. Daripada jumlah tersebut berapakah jumlah pelajar dari negara Afrika.
87. PR-1242-L43241
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah kajian lebih mendalam telah dilakukan oleh Kerajaan tentang kemampuan rakyat sebelum melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dikatakan mampu mengurangkan cukai pendapatan persendirian di negara ini.
88. PR-1242-L44918
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) apakah insentif yang dinikmati oleh nelayan; dan
 - (b) berikutan harga ikan makin mahal, import makin bertambah, apakah mekanisme yang boleh mengatasi perkara ini.

89. PR-1242-L43806
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah perbelanjaan lawatan rasmi YAB Perdana Menteri dan isteri serta YAB Timbalan Perdana Menteri dan isteri mengikut tarikh, lokasi dan tujuan dari tahun 2008 hingga 2011; dan
 - (b) berapakah jumlah perbelanjaan mengurus kepada isteri YAB Perdana Menteri bagi tahun 2008 hingga 2011.
90. PR-1242-L44485
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) senaraikan fungsi dan tanggungjawab Duta Khas (Infrastruktur) Malaysia ke India dan Asia Selatan; dan
 - (b) berapakah gaji bulanan Duta Khas ini, jumlah gaji kakitangan dan berapa lama tempoh perkhidmatan Duta dan kakitangannya.
91. PR-1242-L44989
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapakah pihak Kementerian tidak mewajibkan Lynas Corporation mengikut ketetapan dan syarat seperti yang dikenakan ke atas loji pemprosesan tanah nadir (*rare earth*) sekiranya loji tersebut dibina di Australia atau di Amerika Syarikat.
92. PR-1242-L44644
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
- (a) tujuan dan kesan penstrukturan subsidi minyak kepada nelayan; dan
 - (b) apakah kesan langsung kepada sektor pertanian ekoran ketidakstabilan harga minyak di pasaran dunia sekarang.
93. PR-1242-L43211
Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) bilakah pengiktirafan bilateral pendidikan tinggi antara Malaysia dan China akan dikuatkuasakan dan adakah pengiktirafan bilateral itu hanya terhad kepada institusi-institusi pendidikan tinggi tertentu sahaja; dan
 - (b) adakah ini bermakna pelajar-pelajar yang lulus dalam peperiksaan-peperiksaan sekolah menengah persendirian Cina dan institusi pendidikan tinggi swasta (dari Malaysia dan China) layak memasuki universiti-universiti tempatan Malaysia.

94. PR-1242-L43611
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah dan jenis pelaburan asing yang berjaya diperolehi hasil daripada lawatan beliau ke Amerika Syarikat pada bulan Mei lepas.
95. PR-1242-L43705
Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan pengubahsuaian yang telah dilakukan dalam buku teks Interlok dan sama ada segala pengubahsuaian yang dilakukan telah disemak semula dan mendapat persetujuan ahli-ahli panel dalam jawatankuasa yang meneliti isu buku ini. Bilakah edisi baru buku Interlok akan diperkenalkan semula oleh pihak Kementerian bagi memastikan isu-isu seperti ini tidak berulang pada masa akan datang.
96. PR-1242-L43329
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah isi padu minyak mentah dan gas asli dari telaga minyak di Sabah serta jangka masa telaga ini dapat bertahan untuk mengeluarkan hasil dan sama ada penerokaan baru sumber asli minyak telah dijumpai di perairan sekitar Sabah.
97. PR-1242-L43854
Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kadar penurunan jenayah di Sabah mengikut jenis dan tahun.
98. PR-1242-L44792
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran lengkap mengenai cadangan pelaburan RM50 bilion Petronas dalam projek gas dan minyak di Pengerang, Johor.
99. PR-1242-L44049
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dakwaan kajian "The 2010 Prices and Wages Report by Swiss Bank UBS AG" yang menunjukkan bahawa warga Kuala Lumpur hanya mempunyai 33.8% dari kuasa membeli (*purchasing power*) berbanding warga New York, 42% kuasa membeli warga London, 33.7% warga Sydney dan 31.6% warga Zurich sekali gus melenyapkan persepsi bahawa kos dan saraan kehidupan di negara ini adalah murah.
100. PR-1242-L44074
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan strategi dan langkah-langkah yang telah diambil untuk membendung kenaikan harga rumah yang agak keterlaluan buat masa ini terutamanya di kawasan-kawasan bandar seperti di Lembah Kelang dan Pulau Pinang sehinggakan ia berada di luar kemampuan segolongan besar rakyat.

101. PR-1242-L44091
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit/rawatan yang diberi oleh Klinik 1Malaysia setakat ini serta purata kos untuk setiap rawatan, termasuk kos ubat dan peralatan, gaji dan sewa.
102. PR-1242-L44498
Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bayaran yang telah dibuat kepada Gamuda-MMC untuk projek pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) dan sebarang nilai kerja yang telah dibuat, tetapi yang belum dibayar; dan
 - (b) anggaran kos pelantikan Gamuda-MMC kepada Kerajaan, termasuk kos luar jangkaan (*contingency*), jika ada untuk projek MRT.
103. PR-1242-L43592
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan Lebuh raya Weng-Durian Burung Peringkat C dan D yang telah terbengkalai lebih 2 tahun. Bilakah projek ini akan dapat disiapkan sepenuhnya.
104. PR-1242-L43415
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) perancangan jangka pendek dan jangka panjang serta pendekatan dalam berhadapan dengan golongan belia dan beliawanis yang terdedah kepada dunia tanpa sempadan (*borderless world*); dan
 - (b) perancangan Kerajaan untuk membina sebuah mini kompleks sukan di daerah Kinabatangan bagi aktiviti riadah golongan belia.
105. PR-1242-L44395
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kriteria yang diambilkira dalam membangunkan sesebuah pelabuhan perikanan.
106. PR-1242-L44987
Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa unit rumah telah dicadangkan untuk "My First Home Programme" setahun khas untuk masyarakat belia di seluruh negara.
107. PR-1242-L44213
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pencapaian yang telah dicapai setakat ini dalam kajian angkasa dan sumbangannya kepada pembangunan negara.

108. PR-1242-L44994
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kepada pihak orang awam apakah syarat-syarat yang telah dikenakan ke atas LAMP (Lynas Advanced Material Plant) di Gebeng sewaktu Jabatan Alam Sekitar Pahang meluluskan laporan EIA ke atas pembinaan loji tersebut.
109. PR-1242-L44084
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah yang telah dan sedang diambil untuk menyekat gerakan militan di negara ini, jumlah kumpulan yang dikenal pasti dan jumlah mereka yang telah dikenakan tindakan, termasuk ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA).
110. PR-1242-L44921
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menjelaskan kembali maksud "Islam Sebagai Agama bagi Persekutuan".
111. PR-1242-L44731
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk membantu pelajar-pelajar (bukan Bumiputera) yang mempunyai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM/STPM dan memenuhi semua syarat kelayakan, dan ramai daripada mereka daripada keluarga yang miskin, tetapi tidak layak menerima biasiswa atau bantuan melanjutkan pelajaran.
112. PR-1242-L43992
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap aduan yang menyatakan bahawa wujud syarikat-syarikat palsu yang menipu serta mengaku telah dipilih oleh Kementerian untuk program pemutihan pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) serta bilangan aduan yang diterima.
113. PR-1242-L43918
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang pinjaman berhubung industri air bagi setiap negeri di Malaysia kepada Kerajaan Pusat setakat mana pembayaran balik mengikut negeri yang terkini.
114. PR-1242-L44150
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berikutan hakikat lebih daripada 200 murid ditolak pendaftaran kemasukan ke tahun satu pada setiap tahun di SJKC Naam Kheung dan SJKC Connaught 1 yang terletak dalam kawasan Cheras, Kuala Lumpur, adakah Kerajaan merancang untuk membina sekurang-kurangnya 2 buah SJKC dalam Parlimen Cheras di bawah Rancangan Malaysia Ke Sepuluh bagi menampung permintaan yang mendesak.

115. PR-1242-L43472
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan dapat membantu dalam memproses kelapa sawit di daerah Kudat di Sabah, dan apakah bantuan lain boleh diberi untuk membangunkan sektor pertanian di daerah Kudat.
116. PR-1242-L43508
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kerajaan Pusat bagi membantu negeri Perlis mengatasi masalah banjir yang telah melanda negeri Perlis sebanyak dua kali dalam tempoh lima bulan baru-baru ini.
117. PR-1242-L44877
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab Kementerian meluluskan cadangan Perkasa untuk rekrut anggota RELA sebagai ahlinya. Apakah ini menunjukkan pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan Perkasa sebuah NGO yang mempelopori perkauman melampau dan bercanggah dengan konsep "1Malaysia".
118. PR-1242-L43557
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian bagi menambah baik mutu perkhidmatan di Hospital Nukleus Labuan dan adakah bilangan doktor dan doktor pakar akan ditambah memandangkan jumlah doktor masih tidak mencukupi dalam usaha menambah baik mutu perkhidmatan sedia ada.
119. PR-1242-L44014
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pandangan Kementerian terhadap penyekatan penggunaan laman sosial Facebook di kalangan penjawat awam sedangkan pada masa yang sama Kerajaan melancarkan pelbagai aplikasi untuk mendekatkan Kerajaan dan rakyat melalui laman sosial Facebook.
120. PR-1242-L44345
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah beliau sedar perhimpunan yang dianjurkan oleh hampir 80 pertumbuhan NGO yang melibatkan seramai 600 orang peserta di Dewan Perhimpunan Cina Selangor pada 9 Mei 2011, sebagaimana yang dilaporkan oleh The Sun, muka surat 6. Perhimpunan ini adalah inisiatif 13 pertumbuhan NGO termasuk Jiao Zong di mana mereka melancarkan Pusat Pembangunan Kebudayaan Lim Lian Geok. Lim Lian Geok dilucutkan kerakyatannya 40 tahun lalu dan mati pada tahun 1985. Mereka juga menuntut supaya sekolah bahasa ibunda disamatarafkan dengan sekolah kebangsaan yang mana ia bertentangan dengan Perlembagaan Artikel 152(2).

121. PR-1242-L43728
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menubuhkan satu Majlis Penasihat Petroleum Negara yang terdiri daripada panel pakar dan wakil-wakil negeri supaya kekayaan petroleum dapat dijanakan dengan lebih berhemat, saksama, inklusif dan demokratik dan jika tidak, kenapa.
122. PR-1242-L44710
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian akan melaksanakan pembinaan Sekolah Rendah Kebangsaan di Bukit Antarabangsa yang telah tersenarai di bawah RMK-9 dan apakah status cadangan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan di Bukit Antarabangsa.
123. PR-1242-L45036
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan anggaran kos terbaru pembinaan MRT di Lembah Kelang dan pecahan kos mengikut pengambilan bilik tanah, pembinaan landasan (atas bumi dan terowong), Pembinaan stesen-stesen (atas bumi dan dalam terowong) serta lain-lain kos.
124. PR-1242-L44255
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah pelawaan terbuka dengan insentif yang luar biasa kepada pelabur akibat daripada penurunan mendadak pelaburan asing (FDI) ke negara ini.
125. PR-1242-L44701
Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah muafak yang diuruskan oleh PERKIM. Apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan PERKIM kepada mereka dan untuk selama mana hal ehwal kebajikan mereka dipantau.
126. PR-1242-L44242
Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak Kerajaan melancarkan Skim Rumah Pertamaku, berapa banyakkah permohonan yang diterima dan diluluskan. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula jumlah kadar maksimum pinjaman ini bagi menyesuaikan harga rumah mengikut kawasan pembinaan yang dicadangkan untuk dibeli oleh pemohon yang layak.
127. PR-1242-L44139
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-
- (a) jumlah perjanjian persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dalam 5 tahun terakhir; dan
 - (b) daripada bilangan itu, berapakah perjanjian yang telah menjadi realiti implementasi.

128. PR-1242-L44562
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk menyekat tayangan pornografi yang semakin berleluasa dalam media hari ini yang membawa kesan negatif pada negara.
129. PR-1242-L43552
Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah terdapat *masterplan* atau program-program khusus yang dirancang malahan mungkin dianjurkan oleh Labuan FSA kepada penduduk Labuan, khasnya yang menjurus kepada penggalakan pembangunan ekonomi setempat sekali gus memberi peluang pekerjaan dan perniagaan kepada anak jati Labuan.
130. PR-1242-L43922
Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah rampasan barangan makanan luput tarikh yang dikitar dan dipek semula secara haram untuk dipasarkan, berapakah jumlah denda yang terkumpul dan tindakan yang dikenakan kepada pesalah setakat ini.
131. PR-1242-L43345
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Suruhanjaya Pilihan Raya bagi mengadakan Pilihan Raya Negeri Sarawak baru-baru ini.
132. PR-1242-L43665
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah status kejayaan kerjasama penyelidikan dan pembangunan pihak Astronautics Sdn. Bhd. di bawah MOSTI bersama pihak institut pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia. Apakah kajiannya yang telah dimanfaatkan untuk rakyat. Apakah status pengkomersialannya, jika ada.
133. PR-1242-L44802
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kereta mewah *recon* yang dibawa masuk ke pasaran Malaysia telah menjalani pemeriksaan rapi dan rekodnya disemak teliti supaya tiada penipuan atau dimanipulasikan keadaan kereta, enjin ataupun jarak hitung perjalanan.
134. PR-1242-L44494
Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada tindakan yang diambil terhadap Utusan Malaysia yang mencetuskan kontroversi dengan artikel yang bersifat perkauman dan hasutan baru-baru ini terlalu ringan berbanding dengan tindakan yang pernah diambil terhadap akhbar lain seperti Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.

135. PR-1242-L43609
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah justifikasi untuk mengeluarkan Ijazah Am (*General Degree*) daripada Malaysian Qualifications Framework (MQF) pada tahun 2009 pada hal Ijazah Am masih relevan dalam permintaan pasaran sekarang dan adakah Kerajaan akan menimbang semula untuk meletak balik Ijazah Am dalam MQF.
136. PR-1242-L45072
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah nama agen yang telah dilantik di Malaysia untuk mencetak mata wang kita dan adakah ia dilantik melalui tender terbuka oleh Bank Negara Malaysia. Sekiranya bukan tender terbuka sila nyatakan sebabnya; dan
 - (b) berapakah jumlah keseluruhan kontrak yang diberikan kepada agen tersebut dari tarikh pelantikan hingga Mei 2011.
137. PR-1242-L44059
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah berkesan pihak Kerajaan untuk membendung ketidakcekapan kutipan hasil negara yang menyebabkan kerugian besar serta kebocoran yang amat ketara.
138. PR-1242-L43474
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan alasan kenapa tidak ada sebarang tindakan tegas terhadap media terutamanya TV3 yang berulang kali menyiarkan klip video lucah yang dikaitkan dengan pemimpin Pakatan Rakyat dan Utusan Malaysia yang mencetuskan suasana tidak harmoni apabila menyiarkan isu berkaitan agama rasmi.
139. PR-1242-L43233
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membendung pihak tertentu daripada terus membangkitkan isu-isu sensitif yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
140. PR-1242-L43963
Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah jumlah keseluruhan janaan pendapatan bagi sektor pelancongan untuk tahun 2010 dan apakah pecahan pendapatan ini mengikut sektor.

141. PR-1242-L44431
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan mekasnima yang digunakan untuk menentukan nilai pinjaman TEKUN. Senaraikan statistik dari tahun 2005-2010 bagi kawasan Parlimen Bakri :-
- (a) jumlah dan status permohonan serta senarai nama dan alamat pemohon yang berjaya; dan
 - (b) apakah status bayaran pinjaman.
142. PR-1242-L44275
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menyalurkan peruntukan kewangan kepada pesakit bagi sesuatu kes yang masih di peringkat kajian seperti rawatan *Stem Cell* yang dilakukan oleh hospital swasta; dan
 - (b) adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk memberi peruntukan kewangan kepada institut perubatan swasta yang berminat untuk menjalankan kajian atau rawatan bagi bidang rawatan yang tidak dijalankan oleh Hospital Kerajaan.
143. PR-1242-L44624
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa tiada tindakan diambil terhadap "Datuk T" yang menyiarkan video lucu kepada umum di Hotel Carcosa Seri Negara pada 21 Mac 2011.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011 (D.R.11/2011) dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis. (22 Jun, 2011)**

[Kementerian Kewangan]

2. (D.R. 3/2011) Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” (16 Jun, 2011)**

[Kementerian Belia dan Sukan]

3. (D.R. 5/2011) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

4. (D.R. 46/2010) Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

5. (D.R. 45/2010) Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 “

[Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar]

6. (D.R. 8/2011) Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Luar Negeri]

7. (D.R. 30/2010) Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 “

[Kementerian Kewangan]

8. (D.R. 10/2011) Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 “

[Kementerian Kerja Raya]

9. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 “
- [Kementerian Kesihatan]**
10. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 “
- [Kementerian Kesihatan]**
11. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhadap 2011 “
- [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**
12. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 “
- [Kementerian Pertahanan]**
13. (D.R. 14/2011) Rang Undang-undang Petroleum (Pindaan) 2011 “
- [Kementerian Kewangan]**
14. (D.R. 17/2011) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 “
- [Kementerian Sumber Manusia]**
15. (D.R. 15/2011) Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 “
- [Kementerian Sumber Manusia]**
16. (D.R. 16/2011) Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011 “
- [Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**
17. (D.R. 18/2011) Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2011. “
- [Kementerian Kewangan]**
18. (D.R. 19/2011) Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2011. “
- [Kementerian Kewangan]**

19. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 “

[Kementerian Kewangan]

20. PR-1242-U43283
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugas Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat. Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrik, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

(Menteri Pertahanan)

21. PR-1242-U43291
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan beruniform yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugas mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

(Menteri Dalam Negeri)

22. PR-1242-U43292

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak diiktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

23. PR-1242-U43302

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara. Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

24. PR-1242-U43959
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

(Menteri Kesihatan)

25. PR-1242-U43960
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

(Menteri Pelajaran)

26. PR-1242-U44889
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama".

(Perdana Menteri)

27. PR-1242-U44890
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjajaan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

(Menteri Dalam Negeri)

28. PR-1242-U43366
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaiian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diinginkan berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

(Menteri Kewangan)

29. PR-1242-U43375
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara. Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

30. PR-1242-U43381
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawasan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

31. PR-1242-U44783

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

32. PR-1242-U44788

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan.

Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

(Menteri Kewangan)

33. PR-1242-U44154

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkutan paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggarai kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

34. PR-1242-U44981
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

(Menteri Pelajaran)

35. PR-1242-U44983
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

(Perdana Menteri)

36. PR-1242-U44985
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirahat dan siang bekerja. "

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

37. PR-1242-U45062
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manfaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

38. PR-1242-U45063
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

39. PR-1242-U45064
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

40. PR-1242-U43833
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urusan niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membenarkan untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Warrant Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

(Perdana Menteri)

41. PR-1242-U43387
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit dikekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

(Perdana Menteri)

42. PR-1242-U43398

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

(Perdana Menteri)

43. PR-1242-U43402

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

44. PR-1242-U43408

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

(Menteri Dalam Negeri)

45. PR-1242-U43419

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

(Menteri Dalam Negeri)

46. PR-1242-U43421

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

(Perdana Menteri)

47. PR-1242-U43424

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barangan kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

48. PR-1242-U43425

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

49. PR-1242-U43427

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".

(Perdana Menteri)

50. PR-1242-U43429

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barangan lain juga akan turut naik. Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

51. PR-1242-U43431

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."

(Menteri Pelajaran)

52. PR-1242-U43756
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

53. PR-1242-U43407
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat" .

(Menteri Dalam Negeri)

54. PR-1242-U43410
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memperalatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin dikalangan rakyat sejak sebelum Merdeka " .

(Menteri Dalam Negeri)

55. PR-1242-U43412
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkukuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

56. PR-1242-U43414
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".
(Menteri Belia dan Sukan)
57. PR-1242-U43471
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."
(Menteri Dalam Negeri)
58. PR-1242-U43476
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."
(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)
59. PR-1242-U44950
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan

mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

60. PR-1242-U44952
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

61. PR-1242-U44876
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuhraya Malaysia."

(Perdana Menteri)

62. PR-1242-U44878
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah pelaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

(Menteri Dalam Negeri)

63. PR-1242-U44880
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

64. PR-1242-U44881

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

65. PR-1242-U44883

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

(Menteri Kewangan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2011</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.24	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2010	23 Jun 2011

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri yang Bertanggungjawab
1. 23.6.2011 (Khamis)	1. YB. Tuan Er Teck Hwa (Bakri)	1. Peraturan harus digubalkan untuk melindungi pembeli rumah daripada ancaman anai-anai di kawasan perumahan.	1. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2. 23.6.2011 (Khamis)	2. YB. Datuk Chua Soon Bui (Tawau)	2. Isytihar Perang Melawan Pmerdagangan Dadah Melintasi Sempadan.	2. YB Menteri Luar Negeri